



SEBAHAGIAN daripada penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memenuhi ruang jualan geral Promosi Kumpulan Utusan sempena Pesta Konvokesyen ke-12 USIM di Nilai, Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

# Konvokesyen USIM catat sejarah

**SEREMBAN 14 Nov.** - Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kali ke-12 akan berlangsung penuh istiadat di Dewan Besar USIM yang bakal disempurnakan Canselornya, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, esok.

Yang turut sama dalam istiadat pembukaan esok, Pro-Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Pada majlis konvokesyen esok dan Ahad, sebanyak empat sidang penganugerahan ijazah kepada penerima akan dilangsungkan iaitu sidang pertama bakal disempurnakan oleh Tuanku Aishah.

Sidang kedua pula disempurnakan oleh Tunku Ali Redhaudin manakala sidang ketiga dan keempat dilakukan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Majlis konvokesyen pada kali ini turut menyaksikan dua tokoh menerima ijazah kehormat iaitu Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman yang mene-



rima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, Tan Sri Dr. Abdullah Md. Zin menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam.

Penyempurnaan ijazah itu juga mencatat sejarah apabila pertama kali diadakan dalam kawasan kampus USIM, sebelum ini diadakan di kawasan stadium berdekatan.

Sementara itu, seramai 1,689 graduan bakal menerima ijazah sarjana muda, sarjana dan ijazah doktor falsafah dalam majlis tersebut

esok.

Daripada jumlah itu, 23 graduan akan menerima ijazah doktor falsafah, 88 graduan (ijazah sarjana), 29 (diploma siswazah) dan 1,549 (ijazah sarjana muda).

Tinjauan *Utusan Malaysia* di dewan itu pagi ini mendapati sebahagian besar graduan yang akan menerima ijazah esok begitu gembira selepas selesai melakukan raptai.

Menurut penerima ijazah doktor falsafah, Osama Kanaker, 29, dari Syria dan Lawal Sa'adu, 35, dari Nigeria, mereka telah berada di USIM selama lima tahun.

"USIM adalah tempat belajar yang baik dan inilah saat yang dinantikan. Saya tidak sabar menerimanya esok," kata Osama yang kini menetap di Seri Kembangan, Selangor bersama-sama isteri dan dua anak perempuannya.

Kata Lawal pula, dia menyambungkan pengajian di USIM bermula dengan sarjana sejak 2009 sehinggalah bakal menggenggam ijazah doktor falsafah, esok.